


## Panduan Keselamatan

Jikalau anda memutuskan untuk terus menunggang, putarkan suis penghidup ke posisi  (Off) terlebih dahulu dan periksa keadaan skuter anda. Periksa kebocoran bendalir, periksa keketatan nat dan bolt dan periksa bar hendal, takat kawalan, brek dan roda. Menunggang dengan perlahan dan berhati-hati.

Skuter anda mungkin mengalami kerosakan yang tidak boleh dikesan dengan segera. Anda perlu membawa skuter untuk pemeriksaan oleh pusat servis yang disyorkan secepat mungkin.

Jika kemalangan mengakibatkan kerosakan yang teruk pada skuter anda, ada kemungkinan akan berlakunya kejutan elektrik. Jangan menyentuh komponen sistem hibrid atau wayarnya (berwarna jingga dan ungu).

- Elakkan menyentuh bateri untuk bendalir sistem hibrid.
  - ▶ Bateri untuk bendalir sistem hibrid mungkin akan bocor dan menyebabkan kerosakan yang teruk. Elakkan sebarang sentuhan kulit atau mata dengan bendalir.
  - Bateri untuk sistem hibrid ini bersifat mengkakis. Jika anda menyentuhnya tanpa sengaja, bilas tempat berkenaan dengan air yang banyak sekurang-

kurangnya selama lima minit dan dapatkan bantuan perubatan dengan segera.

- Gunakan alat pemadam api untuk kebakaran elektrik.
  - ▶ Percubaan memadamkan api jenis elektrik dengan sedikit air boleh mengundang bahaya.

### **AMARAN**

Bateri untuk sistem hibrid pada skuter ini mempunyai voltan yang tinggi, oleh itu sebarang tindakan tidak betul yang anda lakukan sewaktu kemalangan berlaku boleh mengakibatkan kemalangan yang tidak dijangka seperti kematian atau kecederaan yang serius.

Sila ikuti kaedah dan arahan yang dinyatakan dalam manual ini apabila berlakunya kemalangan.